

21 NOV 1999

Mahathir-Tanggungjawab/(Fokus berita)

DR MAHATHIR TIDAK MAHU HAK MENGUNDI DISALAH GUNA

ALOR SETAR, 21 Nov (Bernama) -- Fahami tujuan sebenar pilihan raya, itulah nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat yang akan menunaikan satu tanggungjawab utama mereka sebagai warga negara Malaysia pada 29 Nov ini.

Tentunya beliau tidak gentar dicabar lawan pada pilihan raya ini. Pengalamannya berpolitik begitu meluas tetapi ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan rakyat di Tunjang dekat sini Khamis lepas, Dr Mahathir kelihatan bimbang.

Beliau bimbang rakyat terperdaya dengan bermacam-macam janji yang ditabur menjelang pilihan raya dan pelbagai pula tohmahan dan dakwaan yang tujuannya semata-mata untuk memancing undi.

Dr Mahathir tidak sanggup melihat hak mengundi disalahgunakan dan tujuan utama pilihan raya dipesongkan oleh ahli politik yang rakus kuasa.

"Kita mesti benar-benar faham tujuan utama pilihan raya diadakan adalah untuk memilih kerajaan yang boleh membawa kemajuan kepada negara," katanya pada majlis itu sebagai menegaskan kenyataannya baru-baru ini bahawa pilihan raya suatu perkara yang serius.

Ini sekaligus membuktikan bahawa pilihan raya bukannya untuk memperjudikan masa depan kita kerana yang akan menanggung risiko itu adalah kita sendiri.

Bagi Perdana Menteri tiada yang lebih penting daripada membuat pilihan yang tepat, dan yang menjamin negara terus maju dan rakyat menikmati kemakmuran yang berpanjangan.

Daripada riak muka dan kata-katanya, jelas sekali Dr Mahathir terkilan dengan strategi yang digunakan parti pembangkang ketika menghadapi pilihan raya umum ke-10 ini, seolah-olah pilihan raya sebagai platform untuk mencemuh, dengan tujuan untuk memesong rakyat daripada objektif sebenar pilihan raya.

Beliau menegur sikap pembangkang yang mendabik dada dengan mengatakan bahawa sesiapa sahaja boleh membentuk kerajaan dan membawa kemajuan.

Hakikatnya, tidak semua kerajaan boleh berbuat demikian walaupun diberikan mandat untuk memerintah.

Perdana Menteri memberikan contoh Sabah dan Kelantan yang menghadapi kemunduran ketika di bawah pemerintahan pembangkang sehinggakan rakyatnya menanggung keperitan hidup.

"Ini membuktikan bahawa tidak semua kerajaan boleh menjalankan tanggungjawab memerintah dengan baik," jelasnya.

Pembangunan pesat negara dan keharuman namanya di arena antarabangsa membuktikan keupayaan pemerintahan kerajaan BN.

Dr Mahathir menasihati rakyat supaya menimbang dengan rasional tujuan mereka memangkah kertas undi untuk memilih pemimpin dan menilai sedalam-dalamnya manfaat yang bakal diperolehi apabila mereka menggunakan hak masing-masing pada Isnin depan.

-- BERNAMA

MFJ RI